Convocation

Tiga beradik kongsi kenangan manis bergraduasi di UMP

Mon, 11/19/2018 - 12:28

Kuantan, 14 November- Tiga beradik berkongsi kenangan manis apabila dianugerahkan ijazah sarjana dan diploma dalam bidang masing-masing sempena Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang Kali Ke-13 (UMP) yang berlangsung di Kompleks Sukan UMP Gambang baru-baru ini.

Mendapat sokongan ayah dan ibu mereka, Pothorajoo Sanasee,58 dan Appalarasie Subramaniam, 52, ketiga-tiga beradik ini ialah Satish Rao Pothorajoo,27, Loshyini Devi Pothorajoo,25 dan Tarshwini Devi Pothorajoo,21 memilih UMP sebagai destinasi pengajian tinggi mereka.

“Dorongan ayah memberikan kami suntikan semangat antara satu sama lain menjadi tunjang utama kejayaan saya dan adik merangkul ijazah Sarjana dan diploma bersama pada majlis konvoksyen yang sama,” ujar Satish Rao Pothorajoo sebagai abang yang sulung yang menamatkan pengajian Sarjana Sains.

Bagi adiknya, Loshyini Devi Pothorajoo, beliau pada awalnya menyambung pengajiannya di peringkat diploma dan Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE). Kemudian mengikuti jejak langkah abangnya menyambung pengajian ke peringkat sarjana dalam jurusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dan berjaya menamatkan pelajaran serentak bersama abangnya. Manakala adiknya, Tarshwini Devi Pothorajoo menerima Diploma Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Industri) pada majlis konvokesyen ini.

“Sudah semestinya ianya merupakan satu kenangan manis kepada diri saya malah buat seisi keluarga. Ayah selalu berpesan jangan sia-siakan peluang ada. Cukuplah dahulu ayah dan ibu tidak berpeluang untuk melanjutkan pengajian di peringkat universiti,” kata Satish.

Sementara itu, menurut Pothorajoo, beliau sentiasa menyokong hasrat anak-anaknya untuk menyambung pengajian dan kejayaan ini adalah usaha mereka selama ini. Beliau tidak pernah lelah memberikan sokongan dan motivasi pada anak-anaknya untuk menimba ilmu di universiti ini.

Disediakan Nor Salwana Mohd. Idris dari Bahagian Komunikasi Korporat.

TAGS / KEYWORDS

KONVOKESYENUMP

ADIKBERADIK

- 200 views

View PDF